

**PENGARUH LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG
FAKTOR-FAKTOR PERSEKITARAN DAYAH
TRADISIONAL ACEH DALAM PEMBENTUKAN
INSAN KAMIL**

ISMAIL ANSHARI

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2013**

**PENGARUH LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG
FAKTOR-FAKTOR PERSEKITARAN DAYAH
TRADISIONAL ACEH DALAM PEMBENTUKAN
INSAN KAMIL**

Oleh

ISMAIL ANSHARI

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Disember 2013

Daftar Terminologi Indonesia – Malaysia

Indonesia (Aceh)	Malaysia
<i>Beuet – Peubuet</i>	Belajar – berbakti
<i>Dayah</i>	Pondok
<i>Desa</i>	Kampung
<i>Guree</i>	Guru
<i>Halaqah</i>	Duduk Melingkar
<i>Kabupaten</i>	Majlis Daerah
<i>Kinerja</i>	Prestasi Kerja
<i>Kiyai (Teungku)</i>	Tok Guru
<i>Lingkungan</i>	Persekitaran
<i>Meudagang</i>	Tinggal di Asrama
<i>Meunasah</i>	Surau
<i>Meu-ulang</i>	Ulang Kaji
<i>Muhasabah</i>	Penilaian
<i>Pengabdian</i>	Khidmat Bakti
<i>Rambat</i>	Anjungan
<i>Rangkang</i>	Balai Kecil
<i>Tenaga Penyuluh</i>	Kaunselor

PENGHARGAAN



Setinggi-tinggi kesyukuran penyelidik ucapkan ke hadirat Allah s.w.t, kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, penyelidik dapat menyelesaikan Disertasi ini untuk memenuhi keperluan bagi ijazah Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia. Rakaman penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Profesor Dr. Merza Abbas atas segala nasihat, tunjuk ajar dan memberikan semangat dan motivasi serta telah meluangkan banyak masanya untuk memberikan bimbingan atau seliaan, tunjuk ajar dan nasihat semasa melaksanakan penyelidikan ini. Kepada Timbalan-timbalan pengarah dan semua pensyarah di Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia, Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan tunjuk ajar dan dorongan sepanjang melaksanakan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Profesor Dr. Farid Wajdi Ibrahim, MA. Rektor Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Darussalam Banda Aceh yang telah memberikan izin dan segala keperluan bagi menyelesaikan studi ini, Dekan dan pensyarah di Fakulti Tarbiyah IAIN Ar-Raniry. Demikian juga kepada pimpinan dan Teungku-Teungku Dayah yang telah memberi kerjasama dan bantuan selama kajian ini dijalankan.

Akhir sekali, penghargaan untuk keluarga tersayang, teristimewa untuk isteri anak-anak saya, yang telah bersabar, memberikan dorongan dan sokongan untuk menyelesaikan studi ini. Demikian juga kepada kedua-dua orang tua saya, dan rakan-rakan yang telah membantu sehingga selesainya Disertasi ini.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

DAFTAR TERMINOLOGI	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiii

BAB I. PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Penyelidikan	12
1.3	Pernyataan Masalah	15
1.4	Persoalan Kajian	19
1.5	Objektif Penyelidikan	20
1.6	Kegunaan Penyelidikan.....	20
1.7	Kerangka Teori	21
1.8	Definisi Istilah	22

BAB II. TINJAUAN BACAAN

2.1	Orientasi Pendidikan Islam	25
2.1.1	Orientasi pada pelestarian nilai (<i>value oriented</i>)	25
2.1.2	Orientasi pada keperluan sosial (<i>society oriented</i>)	26
2.1.3	Orientasi pada tenaga kerja (<i>manpower-oriented</i>)	27
2.1.4	Orientasi pada pelajar (<i>child-oriented</i>)	27
	Orientasi pada masa depan perkembangan ilmu pengetahuan dan	

2.1.5	teknologi (<i>future-oriented</i>)	29
2.2	Konsep dan Karakteristik Kurikulum	31
2.2.1	Hakikat kurikulum.....	31
2.3	Unsur-unsur dan Tujuan Pendidikan <i>Dayah</i>	37
2.3.1	Unsur-unsur sebuah <i>Dayah</i>	37
2.3.1.1	Teungku	40
2.3.1.2	Masjid	40
2.3.1.3	Pelajar	41
2.3.1.4	<i>Dayah</i>	42
2.4	Sejarah Perkembangan <i>Dayah</i> Tradisional di Aceh	43
2.5	Tujuan Pendidikan <i>Dayah</i>	69
2.6	Subtansi dan Organisasi Kurikulum Pendidikan <i>Dayah</i>	80
2.7	Penerapan / Pembentukan Rohani di <i>Dayah</i>	93
2.8	Kaedah dan Orientasi Pendidikan <i>Dayah</i>	95
2.8.1	Kaedah Sorongan	97
2.8.2	Kaedah Wetonan.....	98
2.8.3	Kaedah Bahsul Masail	99
2.8.4	Kedah Pasaran	100
2.8.5	Kaedah Hafalan	100
2.8.6	Kaedah Beuet Peubuet	101
2.9	Penyelidikan Keberkesanan Sekolah dan Institusi Akademik	106
2.10	Konsep Insan Kamil	113
2.11	Hubungan Antara Faktor-Faktor Persekitaran <i>Dayah</i>	121
2.12	Rumusan dan Hipotesis kajian	126

BAB III. METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	132
3.2	Jenis Penyelidikan	132
3.3	Populasi dan Sampel	133
3.4	Teknik Pengumpulan Data	134
3.4.1	Instrumen Soalselidik Persekitaran	134
3.4.2	Instrumen Soalselidik Insan Kamil	135

3.4.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Soalselidik Insan Kamil	136
3.5	Teknis Analisis Data	137

BAB IV. DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	140
4.2	Sampel Kajian	141
4.3	Penyediaan Data untuk Analisis	141
4.4	Analisis Faktor Soal selidik Insan Kamil	142
4.5	Pengujian Persoalan Kajian 1	145
4.6	Pengujian Persoalan Kajian 2	156

BAB V. PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	166
5.2	Analisis Persoalan Kajian	166
5.2.1	Persoalan (Kajian 1)	167
5.2.2	Persoalan (Kajian 2)	169
5.2.3	Persoalan (Kajian 3)	172
5.3	Rumusan.....	175
5.4	Batasan Kajian	176
5.5	Cadangan Kajian Lanjut	177
	Rujukan	178
	Lampiran-lampiran	187

SENARAI JADUAL**Muka Surat**

Jadual 2.1	Aktiviti Harian Pelajar di Dayah	73
Jadual 2.2	Mata pelajaran yang di ajar dayah mengikut Kelas	84
Jadual 2.3	Konsep Dampungan dan Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Dayah meliputi Skop, Aktiviti dan Peringkat	123
Jadual 3.1	Bilangan item Soalselidik Persekitaran Dayah mengikut konstruk ...	135
Jadual 4.1	Demografi Sampel	141
Jadual 4.2	Analisis faktor soalan selidik Insan Kamil	143
Jadual 4.3	Konsistensi dalaman Setiap Skala Pengukuran Soalselidik Insan Kamil.....	145
Jadual 4.4	Analisis Normaliti Data Insan Kamil	146
Jadual 4.5	Matriks Interkorelasi Antara Faktor Insan Kamil	147
Jadual 4.6	Keputusan Nilai-nilai Padanan (<i>Goodness of fit</i>) Insan Kamil	150
Jadual 4.7	Keputusan Analisis Laluan Kesan Langsung Pembetulan Insan Kamil	152
Jadual 4.8	Keputusan Analisis Kesan Tidak Langsung Pembetulan Insan Kamil	154
Jadual 4.9	Keputusan Analisis Kesan Total Pembetulan Insan Kamil	155
Jadual 4.10	Keboleh percayaan Soalan selidik Persekitaran Pelajar	157
Jadual 4.11	Analisis faktor Soal Selidik Persekitaran	158
Jadual 4.12	Ujian Normaliti Data Persekitaran Dayah menurut Pelajar	159
Jadual 4.13	Keputusan Nilai-nilai Padanan (<i>Goodness of fit</i>) Faktor Persekitaran	160
Jadual 4.14	Anggaran Parameter model pengukuran untuk Pekali Regresi Piawai, Ralat Piawai (S.E.), <i>Critical Ratio</i> (C.R.) dan <i>Squared Multiple Correlation</i> (SMC)	161
Jadual 4.15	Keputusan Nilai-nilai Padanan (<i>Goodness of fit</i>) Kesan Lingkungan terhadap faktor-faktor insan kamil Pelajar	162
Jadual 4.16	Keputusan Analisis Faktor Persekitaran Pelajar terhadap faktor-faktor Insan Kamil	163

SENARAI RAJAH**Muka Surat**

Rajah 1.1	Proses Pembauran Faktor-faktor Insan Kamil	9
Rajah 1.2	Aspek Formal, Amali dan Bakti Secara bersepadu dan Berterusan	11
Rajah 1.3	Model Input-Persekitaran-Outcome.....	22
Rajah 2.1	Model Kualiti Baldrige	110
Rajah 2.2	Laluan Pembelajaran Dayah	124
Rajah 2.3	Model umum kesan input pelajar terhadap perbauran faktor Insan Kamil	127
Rajah 2.4	Model Terhipotesis Pembauran faktor Insan Kamil	129
Rajah 2.5	Model umum kesan faktor-faktor persekitaran terhadap perbauran faktor faktor Insan Kamil	130
Rajah 2.6	Model Terhipotesis Kesan Faktor-faktor Persekitaran Dayah terhadap perbauran faktor Insan Kamil	130
Rajah 4.1	Model Terhipotesis Pembentukan Insan Kamil	149
Rajah 4.2	Model Alternatif Pembentukan Insan Kamil	153
Rajah 4.3	Model Pengukuran Persekitaran Dayah Pelajar	161
Rajah 4.4	Model berstruktur Kesan Faktor Persekitaran dalam Pembinaan Insan Kamil Pelajar	164

SENARAI LAMPIRAN**Muka Surat**

Lampiran A1	Soalselidik Persekitaran Pelajar	187
Lampiran A2	Borang Kajian Selidik Pesekitaran Dayah.....	193
Lampiran A3	Surat Izin Menggunakan Soalselidik Badri.....	198
Lampiran B1	Spesifikasi Soalselidik Insan Kamil	199
Lampiran B2	Borang Soalselidik Insan Kamil.....	203
Lampiran C	Surat Pengesahan Soalselidik	207
Lampiran D	Surat Izin Mencetak Rajah Baldrige	208
Lampiran E	Surat Surat Izin Membuat Kajian di Dayah.....	209

PENGARUH LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG FAKTOR-FAKTOR
PERSEKITARAN DAYAH TRADISIONAL ACEH
DALAM PEMBENTUKAN INSAN KAMIL

ABSTRAK

Dayah Tradisional Aceh ialah sekolah berasrama penuh yang mengajarkan ilmu wahyu untuk membina dan melahirkan warga Muslim yang berpengetahuan tinggi dalam agama Islam, bertaqwa, dan mengamalkan ilmunya. Tanggapan umum ialah program pengajaran di dayah adalah berbentuk latih tubi dan hafalan semata-mata, tetapi sebenarnya dayah mengamalkan pelbagai strategi pengajaran yang moden seperti *service-learning*, perantisan kognitif, *situated learning* dan *fading* di dalam membangunkan penguasaan ilmu pengetahuan dan keimanan dan ketaqwaan. Kajian ini meninjau keberkesanan dayah Aceh di dalam menerap keimanan dan ketaqwaan dalam kalangan pelajarnya dengan menggunakan model persamaan berstruktur yang dapat memperjelaskan hubungan-hubungan langsung dan tidak langsung di antara faktor-faktor kesungguhan belajar dan pengalaman *service-learning* ke atas penguasaan ilmu pengetahuan, Iman, Ihsan, dan amal soleh. Ihsan dan amal soleh diklasifikasikan sebagai faktor-faktor taqwa aras tinggi dan mereka dipacu oleh Ilmu pengetahuan dan Iman. Juga dikaji ialah kesan *fading* terhadap faktor-faktor ini. Model terhipotesis dibina berpandukan model penilaian keberkesanan institusi *Input-Environment-Outcome* (I-E-O) yang dimajukan oleh Astin (1993). 250 pelajar tahun akhir dari lima dayah tradisional Aceh terkemuka telah dipilih untuk kajian ini. Data dikutip menggunakan satu soalselidik yang dibina untuk kajian ini dan satu soalselidik kualiti sekolah berasaskan model Malcolm Baldrige Education yang diubahsuai untuk konteks dayah. Dapatan menunjukkan bahawa kesungguhan belajar melaporkan kesan-kesan langsung

yang signifikan terhadap Ilmu Pengetahuan dan Amal Soleh, dan pengalaman *service-learning* melaporkan kesan-kesan langsung yang signifikan terhadap ilmu pengetahuan, Iman, dan Amal Soleh. Ilmu pengetahuan pula melaporkan kesan-kesan langsung yang signifikan terhadap Iman, Ihsan, and Amal Soleh. Iman juga melaporkan satu kesan langsung yang signifikan terhadap Ihsan. Terdapat juga kesan-kesan tidak langsung yang signifikan dari Latihan Pimpinan ke Amal Soleh melalui Ilmu Pengetahuan, dan dari Kesungguhan Belajar dan Latihan Pimpinan terhadap Ihsan melalui Ilmu Pengetahuan dan Iman. Walau bagaimana pun, kesan-kesan aras tinggi yang dijangkakan, iaitu dari Iman ke Amal Soleh dan dari Ihsan ke Amal Soleh tidak wujud dan magnitud pekali regresi adalah kecil dan sederhana. Ini menunjukkan bahawa amalan-amalan di dayah tradisional Aceh adalah berkesan di dalam menerap ketaqwaan, iaitu perbauran telah berlaku tetapi ia belum lengkap sepenuhnya. Analisis data untuk kesan *fading* menunjukkan bahawa hanya dua dari sembilan faktor persekitaran sekolah, iaitu Menilai Program dan Relevansi Program melaporkan kesan-kesan yang signifikan dan magnitud pekali-pekali regresi mereka adalah kecil. Menilai Program melaporkan kesan-kesan langsung yang signifikan terhadap Ihsan dan Amal Soleh, manakala Relevansi Program melaporkan kesan langsung yang signifikan terhadap Amal Soleh. Ketidakhadiran banyak faktor persekitaran, magnitud pekali regresi yang kecil, dan tumpuan kepada faktor-faktor taqwa aras tinggi menunjukkan bahawa kesan-kesan *fading* amat dirasai oleh pelajar.

THE DIRECT AND INDIRECT EFFECTS OF ENVIRONMENTAL FACTORS OF TRADITIONAL ACEH ISLAMIC SCHOOLS ON THE DEVELOPMENT OF ISLAMIC TENETS OF FAITH

ABSTRACT

The traditional Aceh Islamic school or *dayah* is a boarding school that specializes in the teaching of Koranic knowledge to develop learned, pious and practicing communities of Muslims. The general perception is that the teaching program is largely based on rote learning and memorization but in reality many advanced strategies such as service-learning, cognitive apprenticeship, situated learning, and fading are employed in developing mastery of knowledge and piety. This study investigated the effectiveness of the traditional Aceh Islamic school in instilling piety by using structural equation modeling to determine the direct and indirect effects of perseverance and service-learning experiences on knowledge acquisition, *Iman*, *Ihsan*, and *Amal Soleh*. *Ihsan* and *Amal Soleh* are considered higher-order piety factors and are driven by knowledge and *Iman*. Also investigated were the effects of fading on these factors. The hypothesized models were constructed following Astin's (1993) Input-Environment-Outcome (I-E-O) institutional effectiveness model. 250 final year students from five established traditional Aceh Islamic schools were chosen for the study. Data were collected through a piety questionnaire constructed for the study and a school quality questionnaire originally constructed following the Malcolm Baldrige Education model and adapted for use in this study. The findings showed that perseverance had significant direct effects on knowledge attainment and *Amal Soleh*, and service-learning experiences had significant direct effects on knowledge attainment, *Iman*, and *Amal Soleh*. Knowledge, in turn, reported significant direct effects on *Iman*, *Ihsan*, and *Amal*

Soleh. Iman too reported a significant direct effect on Ihsan. There were significant indirect effects of service-learning experience on Amal Soleh, and of perseverance and service-learning experience on Ihsan through Knowledge and Iman. However, the hypothesized higher-order effects of Iman to Amal Soleh and Ihsan to Amal Soleh were not present and the regression coefficients were generally small to medium in magnitude, suggesting that the traditional Aceh Islamic schools were effective in instilling piety among its final year students but it is still incomplete. The analysis for fading effects showed that only two out of nine school factors, namely, continuous program assessment and program relevance reported significant effects on the factors of piety and their regression weights were small. Continuous Continuous Program Assessment reported significant direct effects on Ihsan and Amal Soleh while Program Relevance reported a significant effect on Amal Soleh. The absence of many school factors, the small regression effects, and the persence of the effects only on the higher-order piety factors indicated that the fading effects were actively felt by the students.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. PENGENALAN

Dayah merupakan sebuah Institusi pendidikan Islam di Aceh yang maknanya hampir sama dengan "pesantren" di luar Aceh seperti di Jawa, dan "pondok" di Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand. Dayah berasal daripada perkataan zawiyah yang dalam bahasa Arab bererti sudut atau penjuru masjid (Al-Tuwanisi dan Al Jumbulati, 2004). Tujuan diwujudkan dayah adalah untuk melahirkan manusia muslim yang memenuhi tuntutan-tuntutan berilmu, beriman, beramal soleh dan melaksanakan setiap amalan dengan penuh ihsan serta berkhidmat kepada masyarakat.

∴

Ulama-ulama di Aceh membangunkan dayah berfalsafah al-Quran dan al-Hadith dan mengaplikasikan semua kebaikan bagi peribadi pelajar dan untuk orang lain. Dasar falsafah yang terkandung dalam rukun Islam seperti, dua kalimah syahadat iaitu "Aku bersaksi tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah" adalah satu bentuk ikrar, berfikir dan berbuat yang tidak pernah habis dalam kehidupan manusia sebagai khalifah di atas permukaan bumi (kesungguhan) dengan pelaksanaan dan kerja-kerja kebajikannya secara berterusan dalam masyarakat persekitaran. Dasar falsafah yang dibangun berasaskan solat adalah bentuk perbuatan dan pengabdian sepanjang hidup manusia terhadap pencipta dan sebagai tanggung jawab terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan. Sedangkan falsafah menunaikan zakat adalah sebagai tanggung jawab sosial sesama hidup manusia yang berdasarkan syariat Islam (*amal salih*). Puasa adalah kunci atau rahsia semua kehidupan antara seorang hamba dengan khalik atau pencipta (*ihsan*). Begitu juga pelaksanaan ibadah haji

dalam kaitannya dengan manusia adalah sebagai pengorbanan atau pengabdian dengan harta dan kekayaan terhadap Allah s.w.t. Maka pembangunan dayah di Aceh adalah pengabdian yang dilakukan dengan harta dan jiwa sebagai tanggungjawab sosial terhadap amanah yang dipertanggung-jawabkan (*taklif*) oleh Allah s.w.t kepada manusia (Sidi Gazalba, 1967).

Pada dasarnya dayah dibina berdasarkan ayat al-Quran yang ertinya "Bahawa pada diri Nabi Muhammad s.a.w itu ada contoh tauladan yang baik bagi umatnya (Al-Quran, S. al-Ahzab: 21), untuk ditauladani Nabi, maka dayah yang dibina dalam masyarakat di Aceh adalah sebagai institusi pembangun jiwa atau fitrah manusia yang baik dan dapat berkembang sesuai dengan ajaran Islam yang disyariatkan oleh Allah melalui Nabi Muhammad s.a.w. yang memiliki sifat-sifat yang mulia seperti; *siddiq*, amanah, *tabligh*, *fatanah*. Sifat-sifat mulia ini terbentuk dari gabungan iman, ilmu, amal Soleh dan *ihsan*. Sifat-sifat inilah sebagai asas kepada pembentukan Insan Kamil.

Dari segi falsafah dayah di Aceh adalah bertujuan untuk mengembangkan potensi manusia yang sedia ada sejak lahir iaitu berbuat baik dan menjalankan syariat Islam. Tujuan utama pelajar berada di dayah, adalah mendalami pendidikan Islam, terdapat beberapa pelajar yang sudah pernah mendapat pendidikan dayah di tempat yang lain. Tetapi juga tidak sedikit dari para pelajar yang belum pernah sama sekali mengenal kehidupan dayah. Untuk menyingkapi hal ini, maka dayah tersebut membahagi jenjang pendidikannya menjadi tiga bahagian. Bahagian pertama dikenali sebagai peringkat dasar dan terdiri dari kelas-kelas 1, 2 dan 3 manakala bahagian kedua dianggap sebagai peringkat pengembangan terdiri dari kelas-kelas 4, 5, dan 6. Peringkat ketiga adalah kelas 7 yang diperuntukan untuk pelajar-pelajar yang masih di dayah dan sedang

bersedia untuk melanjutkan pendidikan mereka ke Timur Tengah atau ke Instusi-intusi Pengajiiian Tinggi.

Guru yang mengajar di dayah pada dasarnya pemindah dan pengisi ilmu pengetahuan Islam kepada pelajar sehingga dalam diri mereka akan hidup dan berkembang faktor-faktor persekitaran yang empat iaitu Ilmu, iman, Ihsan dan amal soleh. Dari faktor-faktor tersebut faktor ilmu mempunyai peranan yang lebih dominan berbanding faktor-faktor lain. Di sini faktor ilmu dilihat sebagai pencetus kepada pengembangan faktor-faktor iman, ihsan dan amal soleh. Berkaitan dengan perkara ini Al-Ghazali (2003) mengingatkan bahawa pada dasarnya ilmu dan amal adalah satu, amal tanpa ilmu bukanlah amal dan ilmu tanpa amal bukanlah ilmu, ilmu itu dihidupkan dengan amal, begitu juga sebaliknya amal akan bermanfaat bila didasari pada ilmu.

Ihsan pula kalau diterjemah secara bahasa atau *lughah* bermaksud berbuat baik. Tetapi Ihsan yang bersifat rohaniah atau hati lain maksudnya. Ihsan ditakrifkan oleh Rasulullah s.a.w seperti berikut:

“Hendaklah kamu sembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya. Memang kamu tidak boleh melihat Tuhan tetapi hendaklah kamu sedar dan rasakan di dalam hati kamu, bahawa Tuhan melihat kamu (Muslim, Sahih Muslim Hadis No 8, 2008).

Ihsan itu ialah apabila roh seseorang dan akal sedar bahawa Tuhan sentiasa memperhatikanya. Rasa Tuhan melihat, mendengar, mengetahui dan rasa Tuhan berkuasa mentadbir dirinya. Ada rasa kehambaan ketika melaksanakan perintah dan

suruhan agama. Rasa bertuhan itu bukan di waktu beribadah sahaja, waktu tidur dan berehat pun, ianya patut ada. Jadi bagaimana kita hendak melupakan Tuhan. Itulah Ihsan, waktu ibadah fardhu dan sunat atau di luar ibadah, terasa Tuhan melihat dan memerhatikan. (Surah Qaaf: 18, Al-Qur'an dan Terjemah-nya, 1989).

Ihsan adalah kualiti amalan atau kesucian perilaku seseorang. Sebagai contoh waktu ia berpuasa ada Ihsan, di luar bulan puasa pun ada Ihsan. Waktu ia solat ada Ihsan, di luar solat pun ada Ihsan. Begitu juga waktu menunaikan ibadah haji. Di dalam dan di luar ibadah haji ada nilai-nilai Ihsan. Dalam erti kata lain rasa bertuhan tidak hilang. Rasa bahawa Tuhan itu berkuasa dan menguasai kehidupannya tidak hilang. Merasakan Tuhan itu melihat, mengetahui dan menguasainya, bukan sahaja di dalam ibadah bahkan di luar ibadah, sewaktu sedang bekerja, sedang membeli belah, sedang berjalan, sedang memasak, dalam dalam apa jua suasana ia ingat akan Allah. Inilah yang dinamakan rukun Ihsan. Rukun Ihsan itu satu sahaja iaitu rasa bertuhan, seperti rasa diawasi, rasa dilihat dan merasakan Tuhan sentiasa menguasai kita (Sidek Baba, 2009).

Inilah yang dimaksudkan oleh sepotong ayat Surah Ali Imran: 191 (Al-Qur'an dan Terjemahnya 1989)

Ertinya :

“Orang yang mengingati, terkenang-kenangkan Allah s.w.t di waktu berdiri, duduk dan ketika berbaring.”

Ilmu agama di dayah adalah satu komoditi yang mesti dikumpul dan ditambah serta dipegang, disimpan dan dijaga rapi di dalam membina kefahaman. Setiap komponen awal ilmu mesti dikekalkan walau seberapa banyak komponen baru dipelajari. ilmu yang sudah dipelajari itu perlu disebatikan dalam diri.

Dalam pandangan Islam, antara ilmu pengetahuan, dan ihsan terdapat hubungan yang harmonis dan dinamis yang terintegrasi ke dalam suatu sistem yang disebut dinul islam. Islam adalah agama yang sempurna, dimana terdapat iman, islam, dan ihsan dan amal soleh. Sebagaimana Allah s.w.t berfirman dalam Al-Quran Surah Ibrahim 24-25:

Ertinya:

"Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik seperti pokok yang baik, akarnya teguh dan cabangnya (menjulang) ke langit. Pokok itu memberikan buahnya pada setiap musim dengan seizin Tuhannya. Allah membuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat."

Ayat diatas menggambarkan keutuhan iman, ilmu dan amal soleh. Hal ini digambarkan sebagai sebuah pohon yang akarnya menghujam kuat ke bumi, batang menjulang tinggi, dan mengeluarkan buah di tiap musimnya atas izin Allah s.w.t. Disini Allah s.w.t mengumpamakan iman sebagai akar, ilmu bagai batang pohon yang akhirnya menghasilkan Ihsan yang diumpamakan sebagai buah (Abdullah Bin Muhammad dalam Lubab Tafsir Ibnu Kathir, 2006).

Dalam hal insan kamil ini Mohd Iqbal (1997) dalam Ensiklopedi Islam, tidak sepaham dengan konsep-konsep terdahulu dari Ibnu Arabi atau Al-Jilli. Menurutnya konsep-konsep tersebut akan membunuh individualiti dan melemahkan *khudi* (jiwa). Mohd Iqbal sepakat bahawa Nabi Muhammad adalah insan kamil, tetapi tanpa penafsiran secara mistik. Insan kimil versi Mohd Iqbal tidak lain adalah mukmin yang di dalamnya terdapat kekuatan, wawasan, perbuatan dan kebijaksanaan. Yang merupakan makhluk moraliti, yang di anugerah kemampuan rohani dan agamawi. Untuk menumbuhkan kekuatan yang ada dalam dirinya, mukmin senantiasa meresapi dan

menghayati akhlak Ilahi. Proses pembentukan insan kamil menurut Mohd Iqbal lahirnya melalui tiga tahap iaitu: pertama, ketaatan pada hukum. Kedua, penguasaan diri sebagai bentuk tertinggi kesadaran diri tentang pribadi. Ketiga, kekhalifahan Ilahi (Dewan Redaksi Ensiklopedi Islam, 1997).

Belum ada kajian tentang sejauh manakah pembauran hasil dari pada proses peningkatan Ihsan (*taraqqi*) ini di dayah (berguru, *beut-peubue, lhah*) namun ianya berlaku di kalangan pelajar-pelajar tahun akhir, oleh karena itu kajian ini dijalankan bagi melihat adakah proses pembauran ini berlaku apabila faktor-faktor insan kamil menampakkan ciri "*wahidiah*" dan "*wihdah*" seperti yang disebutkan dalam An-Nafis, (2008).

Al-Ghazali (2003) menyebutkan bahawa Ihsan adalah keperibadian pencetus sumber lahirnya perbuatan yang baik (amal soleh), nilai baik yang dilahirkan menerusi perbuatan-perbuatan, tingkah laku atau sikap secara spontan dari seseorang mencerminkan keadaan batin yang memberi dorongan kepada lahirnya tingkah laku atau sikap yang baik. Model yang mengandungi hubungan-hubungan di antara faktor insan kamil seperti yang dijelaskan oleh Al-Ghazali, Muhammad Fadlullah Borhan Puri, iaitu ikhtiar dan kesungguhan mendasari prestasi dalam ilmu pengetahuan dan iman, seterusnya ilmu pengetahuan dan iman pula mendasari amal Soleh dan ihsan.

Amal adalah sebuah konsekuensi yang wajar dari iman, sebagaimana bunga yang tak kuasa untuk menahan bau harumnya yang menyebar (Sayyid Quthb, 2000). Analogi yang cantik dari seorang Sayyid Quthb memaknai indahnya iman yang dilengkapi amal. Iman dan amal, dua hal yang bersinergi. Adalah satu paket Allah s.w.t ciptakan bagi hambaNya yang me-muliakan ihsan hingga dalam setiap langkahnya niat

amal itu selalu menyertai iman. Jika seorang telah merasakan dirinya dilihat dan diperhatikan oleh Allah s.w.t, tak hanya kalimat-kalimat manis yang terucap dibibirnya, tapi ia menzahirkan pada kenyataan yang dilakukan. Begitu pula hubungan ihsan dengan iman dan amal. Iman memang diyakini dalam hati, diucapkan secara lisan, namun belum lengkap jika tak diamalkan dalam bentuk perbuatan. Iman jika betul pastinya akan menghasilkan amal, amal jika betul juga cambahan dari iman, sedang Ihsan jika betul maka memunculkan iman yang dalam dan amal yang sempurna tadi (Rohimuddin Nawawi Albantany, 2011)

Dari apa yang di gambarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w (Muslim, 2002) tentang ihsan ianya adalah orang yang berbuat baik, ihsan perbuatan atau tingkahnya, orangnya disebut Muhsin, ihsan itu ialah menyembah Allah s.w.t seolah-olah kita melihatNya padahal kita tidak melihatNya. Namun berkeyakinan yang Allah adalah memperhatikan kita. Kalau kita semak nasihat salah satu imam madzhab yang empat, yakni Imam Syafi'i tentang ihsan dalam kitab (Diwan Al-Imam Asy-Syafi'i, muka surat 47). Beliau menyebutkan:

“Berusahalah engkau menjadi seorang yang mempelajari ilmu dan juga menjalani Ihsan dan janganlah kamu hanya mengambil salah satunya. Sesungguhnya demi Allah saya benar-benar ingin memberikan nasehat padamu. Orang yang hanya mempelajari ilmu tapi tidak mau menjalani Ihsan, maka hatinya tidak dapat merasakan kelazatan takwa. Sedangkan orang yang hanya menjalani Ihsan tapi tidak mau mempelajari ilmu, maka bagaimana dia menjadi orang yang baik?”


Oleh karena itu dua kunci utama yang menentukan hidup manusia dalam hal ini pelajar adalah iman dan amal saleh. Keduanya tidak dapat dipisahkan. Tanpa iman, amal yang dilakukan sesungguhnya adalah kosong dan tidak bernilai. Sedangkan tanpa

amal, iman sesungguhnya adalah palsu atau mati. Sayyid Quthb (2000, muka surat 97) dalam tafsirnya Fi-Zilalil Quran menyebutkan bahawa:

“Amal saleh adalah buah alami dari iman, dan gerak yang bermula pada detik dimana hakikat keimanan itu menghujam di dalam hati. Maka keimanan adalah hakikat yang aktif dan enrgik. Begitu hakikat keimanan menghujam di dalam nurani maka pada saat itu pula ia bergerak mengeks-pressikan dirinya di luar dalam bentuk amal saleh. Itulah iman islami. Tidak mungkin tinggal diam tanpa gerak, atau tersembunyi tanpa menampakkan diri dalam bentuk yang dinamis di luar diri sang mu'min. Jika tidak bisa melahirkan gerakan yang alami tersebut (amal saleh) maka keimanan itu berarti palsu atau mati. Sama seperti bunga yang tidak bisa menahan semerbak wewangiannya. Ia pasti muncul secara alami. Jika tidak muncul, ianya dapat dipastikan adalah tidak ada!”

Khalid Saad an-Najar (2012) dalam menjelaskan kaitan tersebut menyebutkan bahawa Ilmu dan amal saleh adalah kunci kebahagiaan dunia dan akhirat. Allah s.w.t akan menganugerahkan ilmu yang bermanfaat sekiranya seseorang mengamalkannya sebagai amal saleh, penjelasan beliau adalah berpandukan kepada Al-Quran surah (AN-Nahl: 97)

Dalam merealisasikan faktor-faktor tersebut dayah mengukuh paduan antara iman kepada Allah s.w.t dengan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dengan amal yang dijadikan sebagai dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan pelajar dan pembangunan masyarakat sebagai tradisinya adalah memadukan atau membaurkan unsur tersebut (Zamakhsyari Dhofir, 1983). Kesan-kesan faktor persekitaran dan perbauran antara faktor-faktor insan kamil dapat dilihat dari hasil-hasil perpaduan ataupun pembauran tersebut. Hal ini dapat digambarkan melalui rajah berikut.



Rajah 1.1: Proses Pembauran faktor-faktor Insan Kamil

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran di dayah melibatkan penguasaan ilmu agama dan pengamalannya secara individu dan di dalam masyarakat. Untuk meningkatkan penguasaan serta pengamalannya di dalam konteks alam sebenar, dayah mengamalkan satu pendekatan pengajaran yang dipanggil *service-learning* iaitu mengintegrasikan aktiviti-aktiviti masyarakat yang bermakna dengan pengajaran dan refleksi untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran, mengajar tanggungjawab sosial dan sivik, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, dan mengukuhkan masyarakat untuk kebaikan bersama (Howard 2008). Pendekatan seperti ini di Aceh dikenali sebagai "*beuet-peubuet*" atau "belajar-laksana". National Youth Leadership Council (2008) pula mendefinisikan *service-learning* sebagai "satu falsafah, pedagogi, dan model pembangunan masyarakat yang digunakan sebagai satu strategi pengajaran untuk mencapai matlamat pembelajaran dan piawai-piawai isi pelajaran." Dari sudut kaedah pengajaran, pendekatan *service-learning* termasuk dalam falsafah pendidikan berasaskan pengalaman (*experiential education*) (Wikipedia, 2010).

Pendekatan *service-learning* atau *beut-puebu* dilaksanakan di dayah secara berperingkat mengikut tahap umur dan keupayaan pelajar. Ianya bermula dengan penguasaan isi pelajaran melalui pendidikan formal di dalam bilik darjah serta amalan


diri dalam persekitaran sekolah di bawah seliaan dan tuntunan guru, kemudian disusuli dengan aplikasi ilmu dalam masyarakat di bawah pantauan tokoh masyarakat iaitu imam atau ketua kampung (*geusiyik*). Komponen pendidikan formal dan seliaan guru berhubungan secara silang dengan pantauan masyarakat.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran di tahap-tahap akhir pendidikan di dayah, pelajar secara beransur dan berperingkat diberi tanggung-jawab dan lebih peranan di dalam masyarakat, begitu juga kawalan guru keatas pelajar dikurangkan secara bertahap atau dilepaskan secara berangsur-angsur. Proses ini dikenali sebagai *fading* atau *lhah*, dalam bahasa tempatan. Semakin banyak bakti kepada masyarakat semakin kurang pula tahap penyeliaan oleh guru terhadap mereka. Pada peringkat tinggi ini, iaitu tahap terakhir pendidikan di dayah, pelajar sudah mandiri atau boleh berdikari dan diberikan lebih peranan di dalam masyarakat.

Pembelajaran di dayah adalah berasaskan konsep dampingan tersebut iaitu setiap pelajar diserahkan pada *Teungku* (pemimpin dayah) oleh orang tuanya pada tahun pertama dan bukan hanya mendaftarkannya di dayah sahaja, Pada saat ini pelajar datang dengan membawa wadah atau asas yang empat tadi iaitu, ilmu, Iman, Ehsan dan Amal saleh pada kadar yang masih minim. Seterusnya Teungku akan memberikan tanggung jawab mendampingi pelajar kepada Guru Kelas (*Guree Malam*). Tanggungjawab ini berterusan sehingga ke akhir pembelajaran di dayah, tahapan ini dikenali dengan tahapan pengisian sehingga pelajar tersebut melalui proses akhir transformasi dari pelajar ke ahli masyarakat yang terpelajar dan tahapan ini dikenali sebagai tahapan pembauran. Seseorang guru dayah akan menjaga kira-kira 25 pelajar sebagai guru pendamping atau guru *homeroom*. Pada peringkat ini secara beransur-ansur guru

mengurangkan proses dampungan tersebut dan secara beransur-ansur pula mereka akan berbaur pada tahap yang lebih terpadu.

Di peringkat ini pelajar yang telah melalui proses tersebut akan terintegrasi dalam diri mereka aspek-aspek wadah ilmu, iman, ihsan dan amal soleh formal, amali, dan bakti ini secara bersepadu dan berterusan membina diri ke aras kepimpinan dan tanggung-jawab (*ra'in*) mempercepatkan pengukuhan serta penghayatan ilmu di kalangan pelajar dan memberi manfaat berterusan kepada diri dan masyarakat. Integrasi seperti ini dapat dilihat pada rajah berikut:



Rajah 1.2 Aspek formal, amali, dan bakti ini secara bersepadu dan berterusan

1.2 LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN

Pelbagai cadangan telah dimajukan kepada pimpinan dayah tradisional oleh ilmuan-ilmuan modern untuk mengubah atau memperbaiki kurikulum serta kaedah pengajaran dan pembelajaran di dayah tetapi tiap cadangan ini ditolak dengan alasan bahawa sistem dayah tradisional ini adalah salah satu institusi pendidikan tertua di Nusantara yang fomulanya telah secara berterusan berjaya menghasilkan ulama-ulama terbilang, ilmuan Islam, dan pemimpin-pemimpin negara dan masyarakat yang baik. Sebab kedua cadangan-cadangan ini ditolak ialah kerana pencadang pembaharuan berhujjah dari pemerhatian umum dan tidak membawa bukti-bukti empirikal untuk mencadangkan kelemahan-kelemahan khusus serta penambahbaikan secara spesifik dan terkawal. Idea-idea pembaharuan akan hanya diterima apabila terdapat bukti atau keperluan yang kukuh yang diperolehi secara empirikal. Tidak banyak terdapat kajian tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dayah dan tidak terdapat kajian dari aspek tinjauan konsekuensi dayah terhadap pelajarnya seperti yang dicadangkan oleh Kaufman (2000).

Sebagai tempat bagi melahirkan insan kamil dayah-dayah tradisional di Aceh tetap bertahan dengan matlamat asal seperti yang disebutkan di atas. Walau bagaimanapun ada juga dayah di Aceh yang telah mengubah sistem kurikulumnya menjadi kurikulum bersepadu, dan ianya dikenali sebagai Dayah Terpadu, iaitu kurikulumnya mengguna pakai kurikulum madrasah dan diiktiraf oleh pemerintah yang mengandungi pelbagai mata pelajaran lazim seperti sains dan matematik, namun tetap menjalankan kurikulum sedia ada seperti yang telah dijelaskan. Hal ini supaya lepasan dayah mampu bersaing dan boleh melanjutkan pengajian di bidang akademik, menjadi

pakar berbagai bidang pengetahuan, sains dan teknologi. Dayah terpadu diwujudkan dengan harapan pada satu ketika kelak sistem dayah mampu menghasilkan kembali alumni-alumni seperti Hamzah Fansuri, seorang ulama dan sasterawan Melayu Klasik, Daud Beureueh yang pernah menjadi gabenur meliter, ulama dan tokoh perjuangan di Aceh, dan Ali Hasymi sebagai gabenur dan sastrawan Melayu.

Dengan pelaksanaan Undang-Undang No. 2 Pasal 4 tahun 1989, dayah di Aceh diperlukan menentukan pilihan sama ada kekal dalam bentuk dayah tradisional atau menjadi dayah terpadu. Sehingga sekarang kira 20% dayah tradisional di Aceh, iaitu hampir 15 buah dayah sudah beralih menjadi dayah terpadu. Dayah tradisional dalam kategori dayah tinggi (*manyang*) sekarang berjumlah 58 buah. Dayah terpadu di Aceh sangat diminati oleh kumpulan professional dan ianya hampir sama dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia. Pelajar-pelajarnya sangat berjaya dalam konteks sekular, tetapi kurang dari segi ruh dan penghayatan agama.

Dayah tradisional perlu turut bersaing dengan institusi-institusi pendidikan lain, oleh itu segala aspek perlu diperkemas bagi mengembalikan eksistensi dayah mengikut keperluan semasa. Isu-isu yang perlu diselesaikan di dayah tradisional adalah dalam aspek Kurikulum, Metodologi pengajaran, Pengiktirafan, Kemampuan lulusan dayah, Kualiti program dan Kualiti graduan. Juga, nisbah guru di dayah berbanding pelajar adalah besar iaitu kira-kira pada kadar 1:30. Untuk mengatasi perkara ini maka pelajar yang lebih senior diperlukan untuk membantu guru di dayah. Hal ini boleh juga diatasi seandainya guru mampu menggunakan alat bantu mengajar atau media pembelajaran yang lebih efektif. Tempoh persekolahan juga menjadi isu terutama bagi pelajar yang

tidak cemerlang yang akan menghabiskan masa yang panjang mengulangi kelas-kelas pada tiap tahap sekiranya gagal.

Namun dayah tradisional menolak sebarang inovasi dan pembaharuan seperti ini terutama dalam amalan di dayah terpadu yang memperkecil komponen agama kerana untuk memberi ruang kepada pelajaran akademik. Dalam institusi dayah terpadu dijalankan dua sistem pengajaran iaitu pengajaran matapelajaran akademik di sebelah siang hari dan pengajaran agama di sebelah malam. Isi pelajaran agama mash ditekankan tetapi tumpuan kini lebih kepada ilmu agama dan fardhu ain dengan pengamalannya berlakunya di dalam persekitaran sekolah sahaja. Pelajar tidak lagi terlibat di dalam komponen amali sosial dalam masyarakat. Sebagai bandingan, dayah tradisional ialah tempat di mana ilmu wahyu diajar di dalam bentuk asalnya bagi menghasilkan pelajar sebagai manusia yang berkeyakinan di dalam hidupnya dan memberi matlamat jelas kepada kehidupannya sebagai seorang individu muslim dan pemimpin masyarakat, dan kemudian ia memperoleh kehidupan yang baik dunia dan akhirat. Dengan ini pengetahuan serta keupayaan agama para pelajar adalah jauh berbeza. Walau pun akan terdapat seorang dua pelajar yang cemerlang, pada umumnya pengetahuan serta keupayaan agama pelajar dayah terpadu adalah lebih rendah dari pelajar pelajar dayah tradisional.

Kepercayaan pengasas-pengasas dayah tradisional Aceh ialah hanya ilmu agama sahalalah yang dapat membentuk insan atau *mode of being* yang sempurna iaitu pengembalian setiap insan kepada fitrah asal manusia yang akhirnya menimbulkan hal baik bagi dirinya dan kemudian membuahkan amalan yang baik dari pembiasaan yang berlangsung lama. Di situ sifat-sifat insan kamil dibangunkan untuk menjadi cara hidup

sehati dengannya sebagaimana sifat terbang pada burung di angkasa dan sifat berenang pada ikan dalam air. Maka sifat benar misalnya bukan hanya diketahui sebagai ilmu dengan kelebihan-kelebihannya, tetapi dicapai dan dialami nilai kebenaran itu dalam dirinya, jiwa dan akal serta perbuatannya. Dayah-dayah tradisional Aceh adalah satu usaha untuk menyambung risalah Nabi s.a.w. iaitu untuk menyempurnakan akhlak yang mulia bagi umat manusia.

1.3. PERNYATAAN MASALAH

Proses pengajaran dan pembelajaran dayah di Aceh untuk menghasilkan insan yang berilmu, yang beramal dengan ilmu tersebut, dan yang berakhlak mulia menggunakan pendekatan-pendekatan penguasaan ilmu, *service-learning* dan *fading* diteruskan dari zaman silam hingga ke hari ini kerana kaedah-kaedah ini diyakini amat berkesan oleh para pengamalnya. Dari segi pemerhatian hasil akhir, ramai graduan dayah berjaya meneruskan pelajaran ke universiti terkemuka di Indonesia dan Timur Tengah, menjadi ilmuan dan guru agama, dan juga membuka dayah-dayah sendiri. Dari segi perubahan individu, terdapat banyak kajian yang mengkaji perbezaan nilai-nilai murni (Ahmat Tafsir, 1999) dan juga kepercayaan epistemologi pelajar (Sharifah Norhaidah & rakan-rakan, 2003) di antara sekolah harian atau persekitaran biasa dengan sekolah-sekolah berteraskan agama yang memihak kepada sistem pendidikan agama. Kejayaan-kejayaan ini yang dilihat dari aspek sumatif menyokong usaha pendidikan agama tetapi tidak dapat digunakan untuk mengesan kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam sistem pendidikan ini. Penolakan cadangan-cadangan pembaharuan oleh pemimpin-pemimpin dayah adalah kerana mereka memegang kepada dapatan sumatif untuk membuat keputusan.

Satu cara untuk mengesan keupayaan sebenar sistem pengajaran dan pembelajaran dayah ini di dalam mencapai matlamatnya ialah dengan mengkajinya secara formatif sejauhmana ciri-ciri insan kamil dibentuk atau dibaur oleh faktor-faktor yang wujud di dalam kelas dan persekitaran dayah. Dapatan kajian ini akan menampakkan kekuatan dan kelemahan di dalam sistem pengajaran dan pembelajaran dan akan membolehkan keputusan dibuat dengan memerhatikan kepada pelbagai objektif, strategi atau teknik yang khusus atau secara keseluruhan. Oleh kerana analisis ini melibatkan faktor-faktor di seluruh dayah, maka kaedah kajian keberkesanan institusi dan teknik model persamaan berstruktur dicadangkan.

Keberkesanan sekolah atau institusi pengajian ialah sejauh mana pelbagai program sesebuah institusi memberi kesan ke atas perubahan pada keadaan pelajar dan organisasi mengikut objektif dan matlamatnya. Pengukuran keberkesanan institusi akademik biasanya dilihat dari aspek kualiti yang merangkumi perkara-perkara seperti menepati spesifikasi atau standard (Crosby, 1984), mencapai misi dan matlamatnya (Green, 1994), dan dalam keupayaan melaksana penambahbaikan berterusan (Deming, 1986). Untuk sesebuah sekolah menengah, Lunenburg & Ornstein (1996) merumuskan sepuluh aspek digunakan untuk mengukur keberkesananannya, iaitu: matlamat pendidikan yang jelas, harapan yang tinggi terhadap pelajar, peraturan dan disiplin, pantauan kemajuan pelajar, tanggungjawab dan penglibatan yang bermakna dalam kalangan pelajar, kecekapan serta kesungguhan guru, masa belajar, persekitaran sekolah yang positif dan kondusif, kepimpinan sekolah, dan penglibatan serta sokongan masyarakat.

Walau bagaimanapun, terdapat banyak kriteria lain yang digunakan untuk menilai keberkesanan institusi akademik. Scheerens (1992) menyatakan bahawa konsep “keberkesanan” adalah terlalu luas dan berbeza-beza mengikut takrifan atau kriteria yang dipilih oleh pelbagai penyelidik. Untuk memperjelaskan kepelbagaian ini, iaitu sama ada dari perspektif pencapaian akademik, keperluan ekonomi, produktiviti, dan sebagainya beliau mengemukakan pelbagai soalan-soalan berikut untuk dipertimbangkan.

Penilaian keberkesanan institusi juga dibuat dengan mengkaji hubungan di antara faktor-faktor pelajar dan institusi di dalam mencapai matlamatnya berpandukan model sistem. Astin (1993) mencadangkan penggunaan faktor-faktor input, persekitaran dan output dalam menilai keberkesanan akademik supaya dapat mengesan apa berlaku terhadap pelajar hasil dari ikhtiar diri dan input dan pengalaman dari sekolah. Beliau menekankan bahawa penilaian keberkesanan institusi hanya akan sempurna apabila disertai input dari pelajar dan bukan tertumpu pada aspek-aspek kemudahan dan program sahaja. Juga, di dalam penilaian ini faktor-faktor input dan persekitaran adalah pembolehubah-pembolehubah bebas manakala faktor *outcome* adalah pembolehubah bersandar. Selaras pandangan ini, Liu (2006) mencadangkan tiga set indikator untuk menilai keberkesanan sekolah, iaitu (1) *outcome* pada paras pelajar yang melibatkan tiga domain yang digunakan di dalam pembinaan kurikulum, iaitu domains-domain kognitif, tingkahlaku, dan afektif, (2) indikator-indikator proses di bawah kawalan sekolah seperti faktor-faktor pengurusan, pengajaran, dan kualiti, dan (3) faktor-faktor konteks yang tidak dikawal oleh sekolah tetapi mempengaruhi pelajar seperti jantina, status ekonomi, dan lokasi sekolah dan gred sekolah.

Di dalam konteks pendidikan umum di Malaysia dan Indonesia, faktor-faktor *outcome* atau hasil untuk sesebuah sekolah boleh diukur dengan melihat kepada kualiti serta produktivitinya, iaitu pada tahap penguasaan pelbagai cabang ilmu dalam kalangan pelajarnya yang digambarkan di dalam bentuk CGPA atau gred, tahap keterbukaan minda dan kesediaan untuk menjadi modal insan zaman sains dan teknologi, dan juga tahap penerimaan atau serapan graduannya ke dalam institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Dayah dari dahulu lagi sangat berbangga dengan keupayaan melahirkan graduan yang kemudiannya menjadi ilmuan Islam, pendakwah, serta ulama untuk nusantara tetapi pada masa ini hasil ini diperkecilkan kerana para graduannya dikatakan tidak mempunyai pengetahuan serta kemahiran untuk zaman sains dan teknologi dan ekonomi berpendapatan tinggi. Dayah sebenarnya mempunyai objektif tersurat iaitu melahirkan ilmuan agama yang mampu mengamalkan dan mengajar pelbagai cabang ilmu-ilmu Islam, dan objektif tersirat iaitu menerapkan nilai-nilai rohani di dalam bentuk iman, kesediaan untuk beramal soleh, dan ihsan. Maka keberkesanannya dapat dilihat dari aspek-aspek kognitif pada jumlah dan kualiti ilmuan yang dihasilkan tetapi adalah lebih sesuai dilihat pada aspek afektif iaitu pada kualiti nilai-nilai rohani yang diterap atau bangunkan. Ini adalah selaras dengan matlamat dayah iaitu menghasilkan insan-insan yang beriman dan berilmu serta beramal dengan ilmu tersebut dan melaksanakan amal soleh dengan ihsan.

Banyak kajian telah melaporkan kualiti serta produktiviti dayah tetapi belum ada yang mengkaji keberkesanan dayah di dalam penerapan komponen-komponen rohani atau afektif yang dijelaskan oleh faktor-faktor insan kamil secara perbauran. Pengukuran pada aspek afektif dapat dijalankan menggunakan tahap religositi pelajar (Jamiah, 1998) atau tahap pemikiran moral pelajar (Aswati, 2005) tetapi tahap religiositi

dan pemikiran moral pelajar adalah sebahagian daripada isi pelajaran utama atau perkara lazim bagi dayah yang menerapkannya bersama penguasaan ilmu dan pelaksanaan amalan secara individu dan di dalam konteks dayah dan masyarakat.

Penerapan faktor-faktor insan kamil menghasilkan aspek-aspek iman, ihsan, serta kesediaan untuk beramal soleh di dalam diri pelajar yang dapat diukur secara kehadiran berasingan dan juga sama ada sudah berbaur. Tahap atau proses perbauran dapat dilihat menggunakan analisis secara model persamaan berstruktur (SEM) dan melihat kepada kewujudan kesan-kesan langsung dan tidak langsung yang signifikan. Analisis secara SEM mengenalpasti kewujudan setiap faktor yang dikaji secara analisis faktor dan mengukur pengaruh sesuatu faktor terhadap faktor-faktor yang lain melalui regresi di antara faktor-faktor ilmu, iman, ihsan, dan amal soleh (Rajah 1.1). Analisis secara SEM akan menampakkan sejauh manakah faktor-faktor insan kamil ini terpadu atau berbaur. Jika terdapat pembauran yang amat tinggi, nilai-nilai regresi di antara faktor-faktor ini akan mencapai .8 atau .9 dan pembauran akan berada pada paras tinggi jika parasnya ialah .6 atau .7 (Kline, 2005). Paras sederhana diberikan oleh nilai-nilai : 4 dan 5, manakala paras rendah diberikan oleh nilai-nilai : 3 dan 2

1.4. PERSOALAN KAJIAN

Untuk tujuan seperti yang telah dalam pernyataan masalah maka persoalan-persoalan kajian berikut adalah dimajukan:

1. Sejauhmanakah faktor-faktor Insan Kamil wujud dan saling berkaitan di antara mereka dalam persekitaran dayah?
2. Sejauhmanakah faktor-faktor kesungguhan belajar dan *service-learning* menyumbang kepada pembauran faktor-faktor Insan Kamil?

3. Apakah faktor-faktor persekitaran yang aktif di dalam persekitaran dayah menurut persepsi pelajar dan sejauhmanakah mereka menyumbang kepada pembentukan Insan Kamil?

1.5. OBJEKTIF PENYELIDIKAN.

Berdasarkan pernyataan di atas, maka yang menjadi objektif bagi penyelidikan ini adalah untuk mengkaji: 1) Sejauh manakah sistem dayah dapat menerap faktor-faktor insan kamil dalam kalangan pelajar dan 2) Sejauh manakah kesungguhan pelajar dan strategi pengajaran service-learning mempengaruhi pembauran di kalangan faktor-faktor ilmu, iman, ihsan dan amal soleh dalam rangka membentuk insan kamil.

1.6. KEGUNAAN PENYELIDIKAN

Kajian ini melihat pada penerapan komponen rohani atau afektif sebagai ukuran keberkesanan dayah. Adapun kegunaan yang diperoleh dari penyelidikan ini ialah:

1. Memberi sumbangan empirikal tentang keberhasilan di dalam aspek rohani kepada guru dan lembaga pendidikan dayah tradisional di Aceh dalam usaha memperbaiki atau mengukuhkan strategi dan teknik mengajar di dayah.
2. Setelah penyelidikan ini dilakukan supaya dapat mengangkat kembali lembaga pendidikan dayah tradisional di Aceh yang sudah tenggelam sejak masa penjajahan dan dikotomi pendidikan oleh pihak-pihak tertentu.
3. Penyelidikan ini dapat memberikan masukan bagi para penentu kebijakan terhadap pengembangan institusi dayah. Hal tersebut sangat bermungkinan kerana dengan ditemukannya sejumlah masalah yang menghambat proses pembelajaran seperti kurikulum, manajemen dan lain-lain diharapkan akan

lebih mudah mendapatkan penyelesaian yang konstruktif dalam rangka pengembangan institusi *dayah* menuju globalisasi pendidikan yang mampu menjawab berbagai persoalan umat yang terus bermunculan.


1.7. KERANGKA TEORI

Persekitaran pembelajaran *dayah* tradisional dapat dianalisis sebagai terbentuk dari pelbagai faktor yang wujud bebas dan juga saling berkaitan di antara satu sama lain berdasarkan teori sistem umum (von Bertalanffy, 1968). Teori sistem umum menjelaskan bahawa untuk sesuatu sistem, satu input akan mencetuskan pelbagai tindakan atau proses dan proses ini akan menghasilkan pelbagai output. Output ini pula menjadi maklum balas kepada sistem yang kemudian akan mengubah intensiti input dan proses. Tindakan ini akan berterusan dalam satu kitaran sehingga tahap stabil diperolehi. Dari teori ini dapat dilihat bahawa semua faktor di *dayah* adalah saling berkait di antara satu sama lain. Strategi guru mengajar sebagai mencetuskan pelbagai tahapan aktiviti pembelajaran di kalangan pelajar dan ini akan membuahkan keputusan atau gred dalam kursus yang diajar dan penghayatan pelbagai aspek rohani yang melibatkan domain afektif. Prestasi pelajar di dalam aspek-aspek ini akan menjadi maklum balas kepada guru untuk menyemak kesesuaian strategi yang digunakan dan juga kepada pelajar sebagai maklum balas tentang kesesuaian tumpuan dan aktiviti belajar mereka.

Astin (1993) mencadangkan model yang mengandungi tiga konstruk, iaitu *Input*, *Environment* dan *Outcomes* (I-E-O) untuk menilai keberkesanan sesebuah institusi pendidikan dalam mengkaji kesan-kesan persekolahan terhadap pertumbuhan atau perubahan pelajar (Rajah 1.2). Komponen input terdiri daripada ciri-ciri serta komitmen

dan kesungguhan yang dibawa pelajar ke sekolah manakala komponen persekitaran terdiri daripada kurikulum sekolah, kualiti pengajaran, aktiviti di luar sekolah dan juga ciri-ciri guru dan sekolah. *Outcome* pula ialah kesan-kesan ke atas pelajar yang diperolehi hasil dari pengalaman menghadiri atau terlibat di dalam program-program di sekolah.

Oleh itu model ini dipilih kerana ianya membolehkan penganalisan faktor-faktor yang aktif dalam penialaian keberkesanan dayah yang dibuat secara berasingan, iaitu laluan C untuk kesan-kesan *Input* terhadap *Outcome* dan laluan B untuk kesan-kesan Persekitaran terhadap *Outcome*. Model ini juga membolehkan analisis dan juga mengikut kesan langsung (laluan C) dan kesan tidak langsung (laluan A dan B) dalam mempengaruhi *Outcome* seperti pertumbuhan dan perubahan pelajar.



Rajah 1.3 : Model Input-Persekitaran-Outcome (Astin, 1993)

1.8. Definisi Istilah.

Amal soleh adalah perbuatan yang baik yang bermanfaat yang dilakukan dengan kebiasaan tanpa paksaan dan diukur melalui pengakuan pada item-item berdasarkan ciri-ciri amal soleh yang didasari kepada Al-Quran dan Al-Hadis.

Dayah tradisional Aceh adalah sekolah berasrama penuh atau *pasentren* yang mengajarkan ilmu wahyu untuk membina dan melahirkan warga Muslim yang berpengetahuan tinggi dalam agama Islam, bertaqwa dan mengamalkan ilmunya.

Ihsan adalah keyakinan diri yang membuat seseorang itu bersembahyang seolah dapat melihat Allah dan diukur melalui pengakuan pada item-item berdasarkan ciri-ciri Ihsan yang didasari kepada Al-Quran dan Al-Hadis dan pandangan ulama muktabar.

Ilmu Pengetahuan adalah tahap penguasaan pelajar terhadap komponen - komponen ilmu wahyu yang diajar.

Iman ialah Kepercayaan kepada Allah dan keesaanNya dan diukur melalui pengakuan pada item-item berdasarkan ciri-ciri iman yang didasari kepada Al-Quran dan Al-Hadis.

Insan kamil dalam pengertian am adalah Insan yang sempurna keimanannya atau yang paling dekat kepada kesempurnaan taqkwanya atau yang paling dekat kepada yang sempurna dari segi berilmu, beriman, beramal soleh dan ihsan.

Keberkesanan sekolah ialah sejauh mana pelbagai program sesebuah institusi tersebut memberi kesan ke atas atau mengubah keadaan pelajar dan organisasi mengikut objektif dan matlamatnya.

Kesungguhan Belajar adalah adalah ketekunan serta komitmen pelajar dalam melaksanakan tugas dan pembelajaran di Dayah dengan tahap atau kesediaan pelajar untuk belajar.

Kinerja: adalah hasil atau tingkat keberhasilan seseorang secara keseluruhan selama masa tertentu dalam melaksanakan tugas dibandingkan dengan berbagai kemungkinan, seperti standard hasil kerja, target atau sasaran atau kriteria yang telah ditentukan terlebih dahulu dan telah disepakati bersama.

Lhah adalah satu kaedah menghadkan kawalan/ dampingan guru terhadap pelajar secara beransur-ansur supaya pelajar menjadi mandiri dan terbiasa dengan tanggung jawab dan suasana baru dalam masyarakat.

Perbauran adalah kesan saling mendukung antara satu faktor dengan yang lain dalam menghasilkan peribadi yang mantap dan diukur dengan nilai pekali regresi.

Persekitaran dayah: adalah keadaan persekitaran yang terdapat di dayah tradisional:

1. Pengurusan adalah merujuk kepada prinsip, amalan serta kegiatan menyusun dan mentadbir dayah tradisional.
2. Fasiliti adalah program, keperluan atau kemudahan yang wajib disediakan oleh seseorang atau sebuah lembaga atau institusi.
3. Strategi adalah langkah yang digunakan untuk mencapai tujuan yang sudah dirancang dalam kurikulum.
4. Kesungguhan guru adalah ketekunan serta komitmen guru dalam melaksanakan tugasnya.
5. Keperluan pelajar adalah aspek-aspek dorongan untuk terus belajar dalam memadan atau mengambilkira ciri-ciri ilmu pengetahuan

Service-learning adalah suatu kaedah pembelajaran yang menggunakan pendekatan ilmu dengan cara memberikan kemahiran untuk melaksanakan tugas dalam masyarakat dan dengan permasalahan yang terjadi dalam kehidupan harian mereka.